

10 JUL 2004

TYT-Kerjasama

RAKYAT PERLU BERSATU HATI BERI SOKONGAN KEPADA PROJEK KERAJAAN

PULAU PINANG, 10 Julai (Bernama) -- Rakyat diminta supaya terus bersatu hati dan berganding bahu memberi sokongan serta kerjasama kepada kerajaan supaya semua projek pembangunan yang dirancang berjaya dilaksanakan.

Yang Dipertua Negeri Tun Abdul Rahman Abbas berkata pelbagai usaha dan langkah pragmatik yang dirangka kerajaan persekutuan serta negeri untuk menangani pelbagai cabaran tidak akan berjaya tanpa kerjasama rakyat.

Sehubungan itu, beliau berkata sumbangan dan kerjasama mengikut konsep perkongsian bistari antara kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan golongan intelek adalah diharapkan bagi menjayakan hasrat itu.

"Ia bertujuan untuk berkongsi sumber, berganding bahu dan berikhtiar untuk menangani segala cabaran, serta menerokai dan menjayakan segala langkah bagi membawa kemajuan dan kejayaan yang lebih cemerlang pada masa depan," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penganugerahan Pingat dan Darjah Kebesaran sempena harijadi beliau yang ke-66 di Dewan Sri Pinang di sini hari ini. Turut hadir ialah isteri beliau, Toh Puan Majimor Shariff, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon dan Timbalannya Datuk Abdul Rashid Abdullah.

Abdul Rahman berkata rakyat juga perlu bersama-sama membanteras dan memerangi keruntuhan akhlak, gejala sosial dan pengaruh negatif yang sedang menjejaskan serta menghakis asas moral masyarakat yang menyebabkan banyak kejadian jenayah dan penyelewengan.

Beliau berkata masyarakat yang beriman dan bertakwa hanya akan muncul, berterusan serta berkekalan sekiranya dipimpin dan dipandu barisan pemimpin yang beriman, berwawasan, bermaruah, berkeupayaan dan bertekad.

"Rakyat Malaysia amatlah bertuah kerana sejak kemerdekaan, negara kita

dipimpin oleh negarawan-negarawan yang seumpama itu iaitu Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan Tun Dr Mahathir Mohamad," kata beliau.

Katanya kesemua pemimpin itu disokong dan dijunjung tinggi oleh rakyat kerana mereka berjaya meletakkan asas yang kukuh bagi pembinaan negara dalam semua aspek ekonomi, sosial, budaya, moral dan politik.

Bagaimanapun, katanya, proses perjuangan untuk membina negara, mengisi kemerdekaan dan menegak keadilan merupakan proses yang perlu diusahakan dengan lebih gigih.

Abdul Rahman berkata rakyat negara ini perlu bersyukur kerana dipimpin oleh Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang komited untuk memimpin negara bagi mencapai kejayaan yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

Sehubungan itu, katanya, sebagai penghormatan kepada Abdullah yang juga anak jati Pulau Pinang, pada tahun ini, kerajaan negeri menganugerahkan darjah kebesaran tertinggi kepada beliau iaitu Darjah Utama Pangkuan Negeri (DUPN) yang membawa gelaran "Datuk Seri Utama."

Selain itu, Abdul Rahman berkata buat kali pertama, darjah kebesaran yang baru iaitu Darjah Panglima Pangkuan Negeri (DPPN) yang membawa gelaran "Datuk Seri", yang diwujudkan tahun ini dianugerahkan kepada Hakim Besar Malaya Tan Sri Haidar Mohd Noor dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman.

Pada majlis itu, Samsudin yang menerima DPPN mengetuai 173 penerima darjah kebesaran, bintang dan pingat kehormatan negeri daripada Abdul Rahman. Turut menerima anugerah yang sama ialah Haidar.

Selain itu, empat orang menerima Darjah Gemilang Pangkuan Negeri (DGPN) yang membawa gelaran "Datuk Seri" termasuk Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan Datuk Dr Hilmi Yahaya dan Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri Datuk Khalid Ramli.

Tujuh orang menerima Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri (DMPN) dan 19 orang menerima Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) yang masing-masing

membawa gelaran "Datuk", 14 orang menerima Darjah Johan Negeri (DJN), lima orang menerima Bintang Cemerlang Negeri (BCN), 23 orang menerima Pingat Kelakuan Terpuji (PKT), 52 orang menerima Pingat Jaksa Kebaktian (PJK), 43 orang menerima Pingat Jasa Masyarakat (PJM) dan empat orang menerima Pingat Bakti Setia (PBS).

-- BERNAMA

SA ROS